

24/05/1997

PM kesal sikap kerajaan negeri

Karim Sulaiman in London

LONDON, Jumaat - Perdana Menteri kesal dengan sikap sesetengah kerajaan negeri Barisan Nasional (BN) yang tidak memberi kerjasama rapat dan mempunyai pendirian berbeza dengan Kerajaan Pusat.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan negeri mesti bekerjasama rapat dengan Kerajaan Pusat, terutama dari segi pembangunan dan kegiatan yang membawa faedah kepada rakyat.

Menurutnya, ketua negeri bukan saja perlu bersih dan jujur, tetapi yang amat penting bekerjasama rapat dengan Kerajaan Pusat.

"Ini penting kerana kita mendapati ada kerajaan negeri walaupun daripada kerajaan BN, tetapi mempunyai pendirian yang agak terasing daripada Kerajaan Pusat," katanya ketika mengulas pelantikan Ahli Dewan Undangan Negeri Merlimau, Datuk Abu Zahar Isnin sebagai Ketua Menteri Melaka yang baru, mulai hari ini.

Dalam sidang akhbar pada akhir lawatan kerja lima hari di Britain, sempena mempromosikan Koridor Raya Multimedia (MSC) di sini, hari ini, Perdana Menteri berharap Abu Zahar menjalankan tugas dengan sebaiknya.

"Apabila seseorang menjadi Ketua Menteri dia mempunyai banyak kuasa dan kuasa itu perlu digunakan secara bijak, secara lurus, tidak menyalahgunakan kuasa.

"Kerajaan Melaka adalah kerajaan BN dan amat penting bekerjasama rapat dengan kerajaan Pusat," katanya.

Dr Mahathir kemudian memberikan contoh perbezaan pendirian dari segi penyelarasan undang-undang Islam dan pengambilan tanah antara kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat.

Menurutnya, ada kerajaan negeri yang menyukarkan usaha kerajaan untuk mengambil tanah bagi pembangunan.

Katanya, kerajaan negeri terbabit lebih bersedia menjual tanah itu dan membuat keuntungan untuk diri mereka sendiri.

"Kerajaan (Pusat) cuba melakukan sesuatu untuk faedah rakyat, tetapi kerajaan negeri mementingkan faedah jangka masa pendek.

"Itulah sebabnya kita mengkaji semula undang-undang tanah.

"Kerajaan negeri kadangkala mengambil peluang terhadap apa yang kita beri kepada mereka. Kita berharap dapat menyelaraskan perkara seumpama ini," katanya.

Perdana Menteri ketika ditanya mengenai pemimpin dan calon BN yang bersih berkata, itu menjadi pegangan kerajaan.

"Kita tidak mahu calon walaupun bersih, tetapi nampak kotor," katanya.

Mengenai dakwaan bahawa kekalahan calon BN, Dr Chee See Choke dalam pilihan raya kecil Parlimen Teluk Intan, Sabtu lalu, kerana pengundi Melayu tidak keluar mengundi, Perdana Menteri berkata, perkara itu tidak benar.

(END)